



Headline: Kerani rugi RM693,900 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 14 December 2020

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 24

## Kerani rugi RM693,900 ditipu Macau Scam

**Tampin:** Seorang kerani syarikat swasta di sini kerugian RM693,900 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang mendakwa wanita itu terbabat dalam pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani, berkata wanita berusia 59 tahun itu mendakwa menerima panggilan telefon daripada suspek yang tidak dikenali pada 27 Oktober lalu yang membaca nama dan nombor kad pengenalannya dengan tepat.

"Suspek memberitahu akan mengeluarkan waran tangkap ke atas mangsa kerana terbabat dalam pengubahan wang haram lalu menyambungkan panggilan itu kepada dua lelaki yang mengaku anggota polis dikenali sebagai Sarjan Tan dan Asisten Superintendan Yong.

"Ketika perbualan, kedua-dua suspek menakutkan mangsa dan meminta wanita itu membacakan nama pengguna dan kata laluan akaun miliknya bagi tujuan mengeluarkan wang mangsa," katanya dalam kenyataan, semalam.

"Akibat takut dan panik, mangsa mengikut arahan dan bertindak memindahkan semua wang diminta ke dalam akaun suspek, selain turut diminta hadir ke

Mahkamah Tampin, semalam (kelmarin) untuk bicara kes," katanya kepada BERNAMA.

Aibee berkata, susulan itu mangsa menerima transaksi pengeluaran wang setiap hari daripada akaun bank miliknya kepada beberapa akaun tidak diketahui serta dimaklumkan pindahan wang itu bagi tujuan audit dan akan dikembalikan semula.

Katanya, semalam (kelmarin), mangsa sekali lagi dihubungi lelaki yang menyamar sebagai polis dikenali sebagai Deputy Superintendan Chew dengan meminta wang jaminan tambahan sebanyak RM135,000, namun mangsa tidak dapat membuat bayaran itu kerana kehabisan wang.

"Mangsa menyedari diperdaya terus membuat laporan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Sementara itu, di **Kuantan**, seorang peniaga dari Temerloh rugi RM70,000 selepas diperdaya sindiket penipuan nombor ramalan dengan mendakwa mangsa berjaya memenangi wang tunai RM1 juta.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata pada 9 Disember lalu ketika di Mentakab, mangsa berusia 66 tahun didatangi oleh dua lelaki yang menyatakan peniaga



**Akibat takut dan panik, mangsa mengikut arahan dan bertindak memindahkan semua wang diminta ke dalam akaun suspek.**

**Aibee Abd Ghani,**  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan

itu mempunyai nasib yang baik.

"Suspek menasihatkan mangsa untuk membeli nombor ramalan. Mangsa kemudian menyerahkan RM10 kepada suspek untuk membeli nombor berkenaan di sebuah kedai di Mentakab.

"Selepas itu, suspek datang semula kepada peniaga itu dan melipat resit nombor ramalan berkenaan serta dibungkus dengan

kertas sebelum diletakkan gam. Kemudian nombor ramalan itu dimasukkan ke dalam beg duit mangsa," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, suspek juga memberitahu jangan membuka balutan berkenaan dan meminta mangsa berjumpa kembali pada Khamis lalu di hadapan sebuah kedai di bandar Mentakab.

"Pada hari kejadian, mangsa menyerahkan bungkusan nombor ramalan itu kepada suspek. Di hadapan mangsa, suspek membuka nombor ramalan itu.

"Mangsa kemudian membuat semakan melalui surat khabar dan mendapati nombor ramalan itu mendapat tempat pertama berjumlah RM1 juta," katanya.

Beliau berkata, suspek kemudian meminta mangsa menyerahkan wang RM70,000 untuk urusan perbelanjaan kesyukuran.

"Pada hari sama, mangsa menyerahkan wang tunai RM70,000 kepada suspek secara serahan tangan. Kemudian selepas membuat pembayaran mangsa meminta kepada suspek menyerahkan resit nombor ramalan itu untuk dia tunaikan.

"Namun, suspek menyatakan beliau terlupa dan berjanji menyerahkan keesokan hari. Selepas itu, mangsa tidak dapat hubungi suspek lagi," katanya.